

# UPM pacu kerjasama global AI melalui ucaptama dan MoU strategik di Shenzhen



Oleh: Noor Eszereen Juferi

**SHENZHEN, 29 Ogos** – Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Dato' Prof. Ir. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah menghadiri 2025 AI Competency Training Symposium Across Belt and Road Universities yang berlangsung di Shenzhen, China, hari ini.

Dalam simposium tersebut, beliau menyampaikan ucaptama bertajuk Humanizing AI and Technology from Higher Education Perspectives (Menginsankan AI dan Teknologi dari Perspektif Pendidikan Tinggi) yang menekankan peranan institusi pendidikan tinggi dalam memastikan kecerdasan buatan (AI) dibangunkan dengan berteraskan nilai kemanusiaan.

"Simposium ini menjadi wadah penting kepada komuniti akademik antarabangsa untuk membina platform perbincangan bertaraf global serta bertukar pandangan mengenai hala tuju pembangunan AI dan teknologi. Usaha ini seiring aspirasi Pelan Strategik UPM 2021-2025, khususnya dalam mewujudkan hab penyelidikan dan inovasi berimpak tinggi serta memperkuuh jaringan industri dan masyarakat," katanya.



Selain ucaptama, Dato' Prof. Ir. Dr. Ahmad Farhan turut menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Tsinghua Shenzhen International Graduate School (SIGS), Tsinghua University, yang membuka laluan kepada pelbagai bentuk kerjasama strategik.

MoU tersebut ditandatangani bersama Dekan Tsinghua SIGS, Prof. Ouyang Zheng, dan disaksikan oleh Dekan School of Business and Economics (SBE), UPM, Prof. Dr. Bany Ariffin Amin Noordin serta kepimpinan kanan Tsinghua SIGS.

Kerjasama ini merangkumi program ijazah bersama, pertukaran pelajar, mobiliti akademik, penyelidikan kolaboratif dan penganjuran persidangan antarabangsa yang akan memantapkan lagi jaringan global UPM.



Simposium anjuran Tsinghua SIGS ini menghimpunkan Naib Canselor universiti terkemuka, wakil pertubuhan antarabangsa, pemimpin syarikat teknologi global dan penulis fiksyen sains bagi meneroka paradigma baharu dalam pembangunan bakat serta memperkuuh kerjasama global dalam era AI.

Tsinghua SIGS, yang ditubuhkan bersama oleh Universiti Tsinghua dan Perbandaran Shenzhen, merupakan institusi siswazah awam yang berperanan penting dalam pembaharuan pendidikan tinggi China serta pembangunan Kawasan Teluk Lebih Besar Guangdong-Hong Kong-Macau.